

# Tiada projek kereta nasional ketiga

UM 24 MAY 2002

Daripada ZAINI HASSAN

**S**EOUL 23 Mei — Malaysia tidak berunding mewujudkan projek kereta nasional ketiga kerana idea industri 'kereta nasional' sudah tidak sejajar dengan arah aliran semasa, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Malah Perdana Menteri menambah, syarikat-syarikat kereta kini sudah bergabung tanpa mengira negara, dan industri kereta nasional Malaysia juga sukar untuk mengekalkan tanggungannya tersebut.

Malaysia kini mempunyai dua syarikat kereta kebangsaan iaitu Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) dan Perusahaan Otomobil Nasional Kedua Berhad (Perodua).

"Idea kereta nasional tidak lagi selari dengan arah aliran semasa dan banyak syarikat-syarikat kereta bergabung tanpa mengira negara asal, jadi amat sukar bagi kita juga untuk mengekalkan pegangan kita ke atas industri kereta nasional," jelas beliau pada sidang

akhbar sempena lawatan rasmi ke negara ini di sini malam ini.

Sidang akhbar itu dihadiri lebih 40 wartawan Korca dan pertubuhan-pertubuhan berita asing yang berpangkalan di sini.

Menurut beliau, kunjungannya ke pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) Hyundai Motors hari ini dan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Naza Kia Sdn. Bhd. dan Kia Motors Corporation bukan bertujuan untuk mewujudkan satu lagi industri kereta nasional.

## Mewujudkan

Naza Kia Sdn. Bhd. dan Kia Motors Corporation hari ini menandatangani MoU bagi mewujudkan usaha sama dalam pengeluaran dan pemasangan kereta Kia di Malaysia untuk pasaran tempatan dan Asia Pasifik.

Menyentuh mengenai hasrat Malaysia menjadi pusat perdagangan bagi rantau Asia Tenggara, Dr. Mahathir berkata, peluang itu amat baik berdasarkan kedudukan Ma-

aysia di tengah-tengah negara ASEAN yang lain serta kemudahan infrastruktur dan pelaburan asing yang baik.

"Kita memang bersedia sedia ke arah itu (sebagai pusat perdagangan serantau) dan peluang itu adalah baik," katanya.

Ditanya mengapa Malaysia menawarkan bantuan kredit kepada Korea Utara bagi membeli minyak sawit, sedangkan negara itu merupakan salah sebuah negara yang disifatkan sebagai paksi kejahatan oleh Amerika Syarikat, beliau berkata, tiada bukti lagi negara itu terlibat dalam keganasan.

"Kami menyokong penyatuan semenanjung Korea dan kami meminta Korea Utara menyambung usaha tersebut dengan Korea Selatan," katanya yang menjawab soalan bahawa beliau belum merancang untuk melawat Korea Utara.

Katanya, dalam pertemuan terhadnya dengan Presiden Kim Dae-jung hari ini, mereka turut menyentuh mengenai penyatuan kedua-dua negara tersebut.

Mengenai kemudahan

kredit itu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia menawarkan kemudahan yang sama kepada banyak negara dan kepada Korea Utara ia menawarkan AS\$10 juta bagi membeli minyak kelapa sawit.

Ditanya mengenai hubungan Malaysia-Amerika Syarikat yang pulih semula di bawah pentadbiran Presiden George W. Bush, Dr. Mahathir berkata, kedua-dua negara kini lebih memahami antara satu sama lain.

## Peranan

"Presiden Bush menghargai peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam memerangi keganasan. Kami tidak bermusuhan dengan negara tersebut," tambah beliau lagi.

Berbanding dengan pentadbiran Bill Clinton dulu, hubungan dengan negara itu tidak begitu baik kerana, menurutnya, bekas Naib Presidennya (Al Gore) pernah ketika berucap di hadapannya memdinta supaya rakyat negara ini menjatuhkan kerajaan Malaysia. — *Utusan*